



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**STAIL KEPIMPINAN PENTADBIR TERHADAP
PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN
LUAR DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH GABUNGAN
KENINGAU, SABAH**

RICHARD KAJIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT EMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM
2007**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya akui bahawa kandungan disertasi adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya.



Tarikh

RICHARD KAJIM



PENGESAHAN

Penulisan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Keperluan Penulisan Ilmiah
Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan
Fakulti Sains Sukan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim

.....

(DR. ONG KUAN BOON)

Penyelia Projek
Program Pendidikan Sains Sukan

.....

(DR. AHMAD BIN HASHIM)

Dekan
Fakulti Sains Sukan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim

PENGHARGAAN

Rasa penuh kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izinNya penulisan ini dapat disiapkan. Saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ong Kuan Boon selaku penyelia kajian ini atas segala tunjuk ajar, kesungguhan, bimbingan dan kesabarannya menangani karena kekangan masa sepanjang proses menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Shaharudin Bin Abd. Aziz di atas bimbingan khusus pembentukan tajuk dan tunjukajar sepanjang proses menyiapkan penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pentadbir sekolah-sekolah menengah Gabungan Keningau, Sabah di atas kerjasama, sokongan dan komitmen menjadi responden kajian walaupun masa yang diberikan agak terhad. Tidak lupa juga saya merakamkan jutaan terima kasih kepada En. Mike Eping (Pengetua SM. Nabawan II), En. Daud Rugak (Tenom), En. Joseph (Penolong Kanan HEM, SM Gunsanad), En. Zaimi Salagan (SM. Keningau II) dan En. Daniel Chew (Tambunan) di atas bantuan mengutip soal selidik daripada responden-responden di kawasan masing-masing sehingga terjelmanya kajian ini.

Kepada rakan karib En. Sonny Teh Eng Chong dan En. Ravi Margapandu, anda adalah segala-galanya dan saya amat berhutang budi kepada anda berdua. Kepada En. Mohd Farid Abdullah (Ketua Jabatan), saya ucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan tuan sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Kepada semua ahli keluarga tercinta, pengorbanan kalian amat dihargai. Kesabaran, sokongan, dorongan dan persefahaman yang diberikan amat tinggi nilainya. Semoga ianya berkekalan dan membuahkan hasil positif berkekalan.

Kepada kedua ibu bapa saya En. Kajim Kindamor dan Pn. Esam Sodomon serta ibu mertua Pn. Alice Tangit yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan.

Khas untuk isteri tersayang Pn. Adeline Boniface Malinjang dan anak-anak saya Rachel Audrey, Renette Averyl, Rebecca Andrea, Recellea Aline dan Regina Arlyne yang menjadi sumber inspirasi dan pendorong dalam segala usaha saya.

Kepada adik-adik saya En. Bede, Pn. Roslind dan En. Paulinus yang sering menemani dan memberi galakan dalam penulisan ini.



Kepada adik ipar saya En. Anselimus Pagut kerana sentiasa meringankan beban keluarga semasa ketiadaan saya bersama keluarga.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada Pengarah Institut Perguruan Gaya kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan penulisan ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga Tuhan akan membalas budi baik tuan/puan/saudara/saudari dan saya doakan kesejahteraan dan keharmonian hidup anda semua.

Richard Kajim





ABSTRAK

STAIL KEPIMPINAN PENTADBIR TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN LUAR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH GABUNGAN KENINGAU, SABAH

Oleh:
RICHARD KAJIM

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah-sekolah menengah Gabungan Keningau, Sabah. Kajian ini juga turut meninjau perbezaan stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar berdasarkan kepada ciri-ciri demografi terpilih. Seterusnya kajian ini ingin mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara stail kepimpinan pentadbir dengan faktor-faktor jurulatih, kewangan, aspek keselamatan dan ketua panitia pendidikan jasmani dan seterusnya menentukan faktor-faktor yang paling mempengaruhi stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah-sekolah menengah Gabungan Keningau, Sabah. Seramai 115 responden daripada 23 buah sekolah menengah di Gabungan Keningau dijadikan sampel kajian dan mereka diberi satu set soal selidik berstruktur untuk dijawab. Analisis statistik deskriptif, analisis korelasi dan analisis regresi berganda telah digunakan dalam kajian ini. Keputusan kajian menunjukkan bahawa: (1) peratus pentadbir yang mengamalkan stail kepimpinan positif terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah adalah tinggi (95.65%). (2) tidak terdapat perbezaan yang signifikan stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar berdasarkan jantina. (3) tidak terdapat perbezaan yang signifikan stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar berdasarkan penglibatan. (4) terdapat perbezaan yang signifikan stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar berdasarkan fobia (phobia). (5) analisis korelasi menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti jurulatih, kewangan, aspek keselamatan dan ketua panitia pendidikan jasmani menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar. (6) faktor pengaruh kewangan yang paling mempengaruhi dan diikuti dengan faktor pengaruh ketua panitia. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor jurulatih dan aspek keselamatan tidak signifikan mempengaruhi stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah.





ABSTRACT

ADMINISTRATORS LEADERSHIPS STYLE TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF THE OUTDOOR PROGRAMME AMONG THE SECONDARY SCHOOLS IN KENINGAU SABAH.

By:
RICHARD KAJIM

The purpose of this study was to determine the administrators' leadership style towards the implementation of the Outdoor Programme among the secondary schools in Keningau Sabah. Study was also aimed to find out the differences in implementation of the Outdoor Programme based on selected demographic factors. The study went on further by identifying the significant of the relationship between the administrators' leadership style and the following factors: instructors, finance, safety measure and panelhead of physical education and past experience and then determined the factor most influencing the administrators' leadership style towards the implementation of the Outdoor Programme. among the secondary schools in Keningau, Sabah. A total of 115 respondents from 23 secondary schools in Keningau were given structured questionnaires. Descriptive statistical analysis, *t*-test, oneway anova, correlation analysis and multiple regression analysis were used for this study. Results of this study showed that (1) the percentage of administrators' practising the positive leadership style towards the implementation of the Outdoor Programme.at secondary schools was very high (95.65%). (2) There was no significant difference in leadership style towards the implementation of the Outdoor Programme.at secondary schools based on gender. (3) There was no significant difference in leadership style towards the implementation of the Outdoor Programme.at secondary schools based on involvement. (4) There was no significant difference in leaderships style towards the implementation of the Outdoor Programme.at secondary schools based on phobia. (5) The factors such as instructors, finance, safety and panelhead of physical education showed significant positive correlations between administrators' leaderships style towards the implementation of the Outdoor Programme. (6)The finance was the most influencing factor followed by the panelhead of physical education . This study showed that the factors such as instructors and safety measure were not significant in influencing administrators leaderships style towards the implementation of the Outdoor Programme.at school.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	vii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latarbelakang	
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Hipotesis Nul Kajian	8
1.6	Definisi Operasi	9
1.6.1	Stail Kepimpinan	
1.6.2	Pentadbir Sekolah	
1.6.3	Pengalaman Mengajar	



1.6.4 Penglibatan Dalam Pendidikan Luar

1.6.5 Fobia (Phobia)

1.7 Kepentingan Kajian 12

1.8 Batasan Kajian 13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 14

2.2 Definisi Pendidikan Luar 14

2.2.1 Definisi Konstitutif 14

2.2.1.1 Pendidikan Alam Sekitar

2.2.1.2 Pendidikan Konservasi

2.2.1.3 Sekolah Penginapan Luar

2.2.1.4 Pendidikan Kembara Lasak

2.2.1.5 Pendidikan Berasaskan Pengalaman

2.2.1 Domain Kognitif 22

2.2.2 Domain Psikomotor 23

2.2.3 Domain Afektif 24

2.3 Isi Kandungan Program Pendidikan Luar 24

2.3.3 Aktiviti Darat

2.3.2	Aktiviti air	
2.4	Definisi Stail Kepimpinan	29
2.4.1	Konsep Dan Teori Kepimpinan	
2.4.2	Teori Dan Konsep Stail Kepimpinan	
2.4.3	Faktor-Faktor Yang Boleh Mempengaruhi Stail Kepimpinan Pentadbir Sekolah	
2.5	Kepentingan Program Pendidikan Luar	41
2.6	Rumusan	52

BAB III METODOLOGI

3.0	Pengenalan	45
3.1	Rekabentuk Kajian	45
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	46
3.3	Lokasi Kajian	49
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	50
3.5	Instrumen Kajian	51
i.	Bahagian A : Ciri-ciri Demografi	
ii.	Bahagian B : Stail Kepimpinan Pentadbir	

iii. Bahagian C: Faktor-faktor yang mempengaruhi
stail kepimpinan pentadbir sekolah
terhadap pelaksanaan Program
Pendidikan Luar

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	54
3.7	Kajian Rintis	56
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	57
3.9	Penganalisan Data	57
3.9.1	Statistik Deskriptif	57
3.9.2	Statistik Deskriptif	58
3.9.3	Ujian Korelasi	58
3.9.4	Statistik Inferensi	59
3.9.4.1	Ujian-t Tidak Bersandar	
3.9.4.2	Analisis Varian Sehala (ANOVA).	
3.9.4.3	Ujian Korelasi Pearson 'r'	
3.9.4.4	Analisis Regresi Berganda	
3.10	Kesimpulan	67

BAB IV DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	68
4.1	Ciri-Ciri Demografi Responden	69
4.1	Pengukuran Stail kepimpinan Responden Terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar	73
4.3	Perbandingan Stail kepimpinan Responden Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Luar Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi	74
4.4	Rumusan	89

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	90
5.1	Keputusan Kajian	92
5.1.1	Stail Kepimpinan Secara Keseluruhan Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Luar Di Sekolah Menengah	
5.1.2	Perbandingan Stail Kepimpinan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Luar Di Sekolah Menengah Berdasarkan Demografi	
5.1.3	Perkaitan Stail Kepimpinan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Luar Di Sekolah Menengah Dengan Faktor-Faktor Yang Boleh Mempengaruhinya.	

5.1.4 Faktor-faktor Yang Paling Mempengaruhi Stail
Kepimpinan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan
Program Pendidikan Luar Di Sekolah Menengah.

5.2 Kesimpulan 94

5.3 Cadangan Berasaskan Pada Hasil Kajian 96

RUJUKAN 99

LAMPIRAN A BORANG SOAL SELIDIK

LAMPIRAN B SENARAI JADUAL

LAMPIRAN C SENARAI RAJAH



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang

Kurikulum Pendidikan Jasmani digubal untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera dan produktif. Kurikulum ini dibahagikan kepada tiga tunjang pembelajaran iaitu Kecergasan, Kemahiran dan Kesukanan. Tiga tunjang ini membantu mencapai matlamat dan objektif Pendidikan Jasmani. Pelajar perlu memahami dan menghayati pengetahuan, kemahiran dan pengalaman Pendidikan Jasmani agar dapat mengamalkan gaya hidup cergas sebagai budaya Malaysia. Pelajar diorientasikan dengan ilmu dan amalan Pendidikan Jasmani bagi membentuk sahsiah dan stail kepimpinan untuk menghadapi cabaran hidup. Kurikulum Pendidikan Jasmani yang terancang dan persekitaran yang kondusif dapat menggalakkan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan potensi pelajar ke tahap optimum.

Kandungan mata pelajaran ini menekankan kepada kecergasan sesuai dengan ciri dan keperluan pelajar. Pendekatan yang dicadangkan bagi mata pelajaran ini ialah pembelajaran melalui aktiviti fizikal. Pelajar perlu diberi peluang menimba pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan mata pelajaran dengan melakukan aktiviti, eksperimen dan amalan rutin. Penyertaan aktif setiap pelajar dalam kelas Pendidikan





Jasmani adalah diwajibkan. Pelajar perlu diberi peluang meluahkan emosi, memperkembangkan proses mental, membentuk perhubungan sihat dan melakukan kegiatan fizikal dalam suasana yang membina dan selamat. Pengalaman Pendidikan Jasmani merangkumi tiga aspek penting iaitu;

- i. Penglibatan pelajar secara aktif dan selamat.
- ii. Interaksi yang kreatif dengan bahan, alat dan rakan.
- iii. Penyimpanan rekod kegiatan pelajar sebagai bukti bahawa pembelajaran telah berlaku.

Pengisian Tunjang Pembelajaran Kemahiran dari aspek Rekreasi lebih merujuk kepada aktiviti-aktiviti Pendidikan Luar. Pecahan topik ini telah dipanjangkan mulai seawal Tahun Satu sehingga Tingkatan Lima secara berperingkat. Di antara topik-topik yang dimuatkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani ialah Asas Perkhemahan, Menjejak, Abseiling/rappeling, Orienteering dan aspek Keselamatan. Selain pendedahan secara teori, mereka juga dituntut untuk menjalankan aktiviti Pendidikan Luar secara amali semasa di sekolah.

Pendidikan Luar merangkumi pelbagai tujuan dan amalan yang dapat memperkayakan dan memperkukuhkan pengalaman pendidikan formal dengan melihat alam semulajadi sebagai 'makmal hidup'. Pemanfaatan persekitaran dan alam semulajadi sebagai tempat pembelajaran secara terus akan menajamkan kepekaan individu apabila pengetahuan yang diperolehi melibatkan deria. Dalam hal ini Pendidikan Luar mengutamakan aspek penaakulan oleh individu dan pelakuan motor yang melibatkan





semua deria umpamanya dalam mengenal alam flora dan fauna. Pendekatan Pendidikan Luar banyak tertumpu kepada kaedah penemuan, eksperimen dan kajian lapangan. Penekanan pembelajaran dalam Pendidikan Luar menggalakkan pelajar memperoleh pengalaman melalui sesuatu yang dilakukan sendiri.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menegaskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Oleh yang demikian Program Pendidikan Luar dapat dijadikan media untuk memurnikan hasrat berkenaan yang mana ianya adalah satu proses pembelajaran secara langsung (*learning by doing so*). Ilmu pengetahuan dan pengalaman diperoleh dengan konsep '*hands on*' / *first hand experience*'. Pendedahan kepada kedua-dua konsep ini secara tidak langsung akan melahirkan seorang individu yang sempurna dimana segala aspek yang diberi penekanan iaitu fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani dapat dimantapkan.

Justeru itu, adalah wajar bagi semua pelajar diberi peluang secukupnya menjalani program Pendidikan Luar seperti apa yang dihasratkan. Dengan melibatkan diri kepada corak pendidikan seperti ini, potensi individu akan dapat dikembangkan secara menyeluruh dan bersepadu. Individu dapat meningkatkan tahap kreativiti dengan menggabungkan dan menggembelingkan segala ilmu pengetahuan dan fakta-fakta yang diperolehinya bagi mencetuskan satu corak pemikiran kreatif.





Selain itu para pelajar juga dapat menyemai keupayaan diri dalam usaha belajar hidup secara bersama-sama, peranan menghidupkan kerja berpasukan (*works as a team*), menilai adat dan budaya setempat.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan Luar melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia bertujuan memberikan pengalaman baru kepada para pelajar. Para pelajar dibawa keluar dari bilik darjah formal kepada satu situasi luar yang mencabar dan menarik. Dengan cara ini ia akan menghasilkan pendidikan yang menyeluruh meliputi domain psikomotor, kognitif, afektif, sosial dan emosi.



Hammerman (2001), menyatakan bahawa, Pendidikan Luar sebagai landasan untuk mengenalpasti pengalaman yang boleh dipraktikkan dalam situasi harian. Pendidikan luar sebagai salah satu sub disiplin ilmu dalam pendidikan. Kemahiran-kemahiran ikhtiar hidup, seperti berenang, memanjat, mendaki, menyelesaikan masalah dan tekanan banyak dipelajari dan ini akan memberikan satu pengalaman dan kemahiran baru kepada para pelajar.

Seterusnya beliau menegaskan pengalaman ini dapat meningkatkan pembangunan penguasaan kemahiran motor, kecergasan dan pengetahuan serta berkeyakinan tinggi. Untuk itu, perlaksanaan Pendidikan Luar ini memerlukan pendekatan yang bersepadu supaya menghasilkan proses pendidikan yang berkualiti dan mantap.





Untuk merealisasikan matlamat di atas, pelaksanaan Program Pendidikan Luar ini perlu mengikut prosedur dan kaedah-kaedah tertentu. Ini tentunya perlu seiring dengan objektif dan falsafah pelajaran Pendidikan Luar itu sendiri. Secara khususnya, peranan jurulatih melaksanakan isi pelajaran ini dari sudut kemahiran, keupayaan serta melaksanakan apa yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani ini adalah amat penting sekali. Setiap objektif ini perlu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pusat Perkembangan kurikulum telahpun menyarankan agar semua pelajar diberi pendedahan kepada aktiviti-aktiviti Pendidikan Luar. Namun demikian setakat ini belum ada kajian yang khusus dan saintifik dijalankan mengenai stail kepimpinan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar ini. Melalui kajian ringkas melalui soal selidik yang dijalankan kepada empat opsyen pelajar baru di Institut Perguruan Gaya didapati bahawa hampir semua di antara mereka tidak pernah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti Pendidikan Luar semasa di sekolah. Sebilangan kecil daripada mereka mendapat pendedahan aktiviti-aktiviti Pendidikan Luar melalui aktiviti-aktiviti Persatuan-Persatuan Unit Berunitform semasa di sekolah. Berdasarkan kepada maklumbalas daripada pelajar-pelajar ini, kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Untuk mengenalpasti punca-punca kegagalan pihak sekolah melaksanakan Pendidikan Luar ini, makanya satu kajian harus dijalankan.





Disebabkan kata pemutus meluluskan kertas kerja menjalankan Pendidikan Luar di peringkat sekolah terletak dibahu pentadbir sekolah maka tumpuan kajian hanya tertumpu kepada meninjau stail kepimpinan pertadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah. Dengan adanya kajian ini, ianya dapat memberikan maklum balas kepada semua pihak berkaitan terutama Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) untuk melihat kembali kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran serta input-input baru yang difikirkan perlu dimasukkan ataupun diubahsuai.

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah stail kepimpinan pertadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah menengah. Hasil dari kajian ini akan dapat memberikan maklum balas, membuat pengubahsuaian kandungan dan seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauhmanakah stail kepimpinan pertadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah-sekolah menengah Gabungan Keningau, Sabah. Kajian ini cuba melihat mengenai peranan dan penglibatan pentadbir sekolah, kurikulum yang digubal, falsafah mata pelajaran ini serta objektif matapelajaran ini dapat memenuhi kehendak yang diharapkan.





Objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenalpasti sejauh manakah stail kepimpinan pertadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah-sekolah menengah Gabungan Keningau.
- ii. Mengenalpasti adakah terdapat perbezaan stail kepimpinan di kalangan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah berlandaskan kepada ciri-ciri demografik (Jantina, penglibatan, fobia dan pengalaman pengajaran).
- iii. Adakah terdapat hubungan antara stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah dengan faktor-faktor jurulatih, aspek keselamatan, kewangan dan ketua panitia Pendidikan Jasmani.
- iv. Mengenalpasti faktor-faktor (jurulatih, aspek keselamatan, kewangan dan ketua panitia Pendidikan Jasmani) yang paling mempengaruhi stail kepimpinan pentadbir sekolah terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah.





1.4 Hipotesis Nul Kajian

- H 01** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dari aspek jantina.
- H 02** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dari aspek penglibatan dalam Pendidikan Luar (praktikal).
- H 03** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dari aspek fobia.
- H04** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dari aspek pengalaman mengajar.
- H 05** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dengan faktor jurulatih.
- H06** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dengan faktor kewangan.
- H07** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dengan faktor aspek keselamatan.





- H08** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di peringkat sekolah dengan faktor ketua panitia Pendidikan Jasmani.
- H09** Tidak terdapat mana-mana satu faktor yang paling signifikan mempengaruhi stail kepimpinan pentadbir terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah.

1.5 Definisi Operasi

Untuk tujuan kajian, definisi-definisi operasi berikut telah digunakan:



1.5.1 Stail kepimpinan

Ia lebih merupakan satu manifestasi diri seseorang itu terhadap sesuatu yang baru di pelajari. Stail kepimpinan ini seterusnya akan mempengaruhi perubahan tingkahlaku seseorang itu untuk berubah samada kepada positif atau negatif. Perubahan stail kepimpinan ini bergantung kepada tiga komponen utama iaitu komponen Kognitif (kepercayaan seseorang terhadap sesuatu individu, peristiwa dan sebagainya. Komponen afektif (lebih menjurus kepada perasaan, minat dan bagaimana merasai sesuatu sama ada suka atau sebaliknya) dan komponen tingkahlaku (tindakbalas apabila menerima sesuatu benda atau pengalaman baru).





Stail kepimpinan ini amat penting dalam menentukan hala tuju seseorang itu untuk terus mengamalkan, menggunakan dan respon terhadap pelaksanaan Program Pendidikan Luar ini. Ini dapat dilihat apabila pentadbir sekolah diberitahu mengenai program Pendidikan Luar ini akan diadakan, seseorang pentadbir sekolah akan mula mempunyai kepercayaan terhadap program ini dari aspek kepentingan dan kemahiran yang akan dipelajari (aspek kognitif). Ini seterusnya akan menimbulkan minat atau suka pada aktiviti yang dijalankan (aspek afektif). Penglibatan penuh aktif dalam semua gerakerja yang di lakukan, memberikan satu perubahan tingkah laku yang positif (aspek tingkahlaku).

Hasil daripada pengemblengan tiga aspek (komponen) di atas, akan mendorong seseorang pentadbir sekolah untuk melibatkan diri secara aktif dan menghasilkan perubahan stail kepimpinan yang positif terhadap program Pendidikan Luar.

1.5.2 Pentadbir sekolah

Ia merujuk kepada pentadbir sekolah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran akademik di sekolah. Pentadbir sekolah adalah merujuk kepada Pengetua, Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Ko-kurikulum dan Penyelia Petang.





1.5.3 Pengalaman mengajar

Merujuk kepada tempoh perkhidmatan pentadbir sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

1.5.4 Penglibatan dalam Pendidikan Luar

Ia merujuk kepada status penglibatan seseorang pentadbir sekolah terhadap Program Pendidikan Luar secara praktikal sama ada semasa mendapat latihan perguruan ataupun semasa dalam perkhidmatan.



1.5.5 Fobia (phobia)

Ia merujuk kepada kebimbangan yang kuat dan patologikal kerana takutkan sesuatu peristiwa atau benda. Menjauhkan diri dari keadaan yang menakutkan mungkin menghadkan banyak kehidupan seseorang yang mengakibatkan penderitaan yang melampau.





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini lebih kepada memberikan satu maklum balas dan asas penelitian sukatan pelajaran dari aspek Pendidikan Luar kepada Pusat Perkembangan Kurikulum di samping kajian tinjauan terhadap keberkesanan pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah. Hasil kajian tinjauan ini akan dijadikan asas penambahbaikan terhadap memantapkan Program Pendidikan Luar dan menyusun atur strategi pelaksanaan yang lebih praktikal di peringkat sekolah.

Di samping itu juga menimbulkan kesedaran kepada pentadbir sekolah terhadap kesan daripada program Pendidikan Luar yang lebih menjurus kepada penghayatan terhadap alam sekitar, menghargai kepentingan menjaga alam sekitar dan apa yang lebih penting akan merubah stail kepimpinan, memberikan keyakinan kepada diri sendiri, tabah dalam menghadapi cabaran sama ada di darat ataupun di air. Seterusnya kajian ini akan menentukan faktor-faktor yang perlu diberikan penekanan terhadap pentadbir sekolah agar lebih berstail kepimpinan positif dan proaktif terhadap program ini dan bukan semata-mata sekadar memenuhi aspek kurikulum sahaja.

Kajian ini juga boleh memberikan satu 'signal' kepada Pusat Perkembangan Kurikulum agar satu tindaksususul terutama di peringkat pelaksanaan Program Pendidikan Luar di sekolah. Dalam pada ini, kita juga dapat mengesan keperluan-keperluan yang relevan berkaitan terutama dari aspek tenaga penggerak di peringkat sekolah.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pentadbir di sekolah-sekolah menengah (Pengetua, Penolong Kanan 1, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Ko-kurikulum dan Penyelia Petang) di Gabungan Keningau yang melibatkan beberapa daerah kecil seperti daerah Keningau, daerah Tenom, daerah Tambunan, daerah Nabawan, daerah Sook dan daerah Sepulut.

